

98 terima darjah, pingat

>>Oleh Norul Awatif Romli

am@hmetro.com.my

SHAH ALAM: Seramai 98 individu akan dikurniakan darjah dan pingat kebesaran sempena Hari Keputeraan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah ke-67 pada majlis istiadat yang berlangsung di Istana Alam Shah, Klang, pagi ini.

Ketua Hakim Negara, Tun Arifin Zakaria yang dianugerahkan Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (SPMS) yang membawa gelaran Datuk Seri akan mengetuai majlis penerimaan itu. Ini diikuti Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin yang turut menerima darjah kebesaran sama.

Baginda Sultan Selangor juga berkenan menganugerahkan Darjah Kebesaran Datuk Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah (SSIS) kepada Ahli Dewan di-Raja Selangor, Datuk Ramli Mahmud yang



ZULKIFELI...SPMS



YUSOFF...DPMS



HASSAN...DPMS

membawa gelaran Datuk Setia.

Selain itu, seramai 32 penerima bakal dianugerahkan darjah kebesaran yang membawa gelaran Datuk Seri (dua), Datuk Setia (satu) dan Datuk (29), manakala 66 individu menerima anugerah pingat dan bintang.

Seramai 15 penerima Darjah Kebesaran Datuk Paduka Mahkota Selangor (DPMS), yang membawa gelaran Datuk kepada penerima lelaki

dan Datin Paduka kepada penerima wanita yang masing-masing terdiri daripada pegawai tertinggi kerajaan dan tokoh korporat.

Mereka ialah Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Zulkifli Zainal Abidin; Penyimpan Mohor Besar Raja-raja, Datuk Seri Syed Danial Syed Ahmad; Hakim Mahkamah Rayuan, Mah Weng Kwai; Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Datuk Seri Profesor Dr Sahol Hamid

Abu Bakar; Panglima Armada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Laksamana Madya Datuk Abd Hadi A Rashid; Presiden dan Ketua Eksekutif SP Setia Group Berhad, Tan Sri Liew Kee Sin dan Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia Selangor, Datuk Azis Yacob.

Penerima lain termasuk Pengarah Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Fatimah Moha-

med Arshad; Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Selangor, Yusoff Ayob; Pakar Perunding Kanan Ortopedik dan Ketua Jabatan, Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang, Dr M Thirumal; Pakar Perunding Kanan Nefrologi HTAR, Dr Tan Chwee Choon; Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas), Hassan Mohd Amin; Pengarah Bahagian Dakwah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Ali Mohammed; Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Selangor, Kamarulzaman Jamil dan Pegawai Daerah Gombak, Nor Hisham Ahmad Dahlan.

Sementara itu, seramai 14 penerima akan dianugerahkan dengan darjah kebesaran Datuk Sultan Sharafuddin Idris Shah (DSIS) yang membawa gelaran Datuk bagi penerima lelaki dan Datin Paduka bagi penerima wanita.

Mereka yang menerimanya ialah Kerabat Diraja Selangor, Tengku Seri Paduka Shah Bandar Tengku Ardy Esfandiari Tengku Abdul Hamid

Shah; Pakar Perunding Perubatan Pemulihan Hospital Gleneagles, Dr Tunku Noor Taayah Tunku Zubir; Pengarah Urusan Kuzie Catering Sdn Bhd, Raja Roslay Raja Mazlan; Pelukis Diraja Selangor, Azaman Yusof; Timbalan Asisten Ketua Staf J7, Markas Angkatan Bersama, Kementerian Pertahanan Malaysia, Laksamana Pertama Azhari Abd Rashid; Profesor di UPM, Profesor Dr Tai Shzee Yew dan Ahli Jawatankuasa Fatwa Selangor, Abdul Aziz Andik Achok.

Penerima lain ialah Naib Presiden Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM), Datuk Hamidin Mohd Amin;

Yang Dipertua Persatuan Pembangunan Kampung Bharu Kuala Lumpur, Dr Mohd Yusof Ismail; Juru-perunding Pakar Cardiothoracic, Dr Aljafri Tan Sri Dr Abdul Majid; Peguam dan pentadbir harta pusaka Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Muhammad Adam @ Edward Abdullah.